



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
03 MEI 2019 (JUMAAT)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BEKAS ADUN TELUK DATOK DIPENJARA TIGA TAHUN
MUKA SURAT	13

Bekas ADUN Telok Datok dipenjara tiga tahun

Chee Heng turut didenda RM66,900 selepas mengaku salah kemukakan tuntutan palsu

TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN dan MUHAMMAD IQHWAN HAKIM ABDULLAH

SHAH ALAM

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Datok, Selangor dipenjara tiga tahun dan didenda RM66,900 oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam selepas mengaku salah mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM33,380 untuk program kemasyarakatan empat tahun lalu.

Hakim Rozilah Salleh

membuat keputusan itu terhadap Loh Chee Heng, 41 dan memerintahkan penjara tambahan setahun sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Dalam keputusannya, Rozilah berkata, rasuah adalah kes serius, apatah lagi bagi seseorang yang memikul amanah rakyat.

Terdahulu, Chee Heng mengaku sebagai ADUN Telok Datok pada 2015 dengan niat memperdayakan telah menggunakan dokumen Kelulusan Pengeluaran Peruntukan dan Kertas Kerja yang mengandungi butiran palsu iaitu permohonan pengeluaran peruntukan RM13,380 bagi program Sambutan Hari Guru Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Datok sedangkan ia tidak dilaksanakan.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Daerah Kuala Langat, Kuala Langat pada 8 Jun 2015.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 24 (2) akta sama.

Peguam Kepy Wong yang mewakili bekas ADUN DAP itu memohon mahkamah mempertimbangkan hukuman terhadap anak guamnya.

"Anak guam saya hanya menjadi ADUN selama sepenggal bagi tempoh 2013 sehinggalah Mei 2018.

"Sejak PRU14 yang lepas, Chee Heng bekerja sebagai pemandu Grab dengan pendapatan yang tidak menentu," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mo-



CHEE HENG

hammad Suffian Ja'afar dalam hujahnya memohon hukuman berbentuk pencegahan dan pengajaran.

"Sebagai wakil rakyat tertuduh sepatutnya memberi teladan yang baik," katanya.

Sementara itu, Chee Heng yang berada di kandang pesalah merayu dikenakan hukuman ringan.

"Saya telah bertaubat dan insaf. Ia sememangnya telah memberi pengajaran kepada saya," katanya.

Pada 24 Januari lalu, Chee Heng mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan tersebut.

Sebelum ini, DAP dilaporkan memecat Chee Heng berkuat kuasa 14 Mei 2016 kerana dakwaan penyelewengan peruntukan tersebut.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	DASAR PH SELANGOR TAK KONSISTEN
MUKA SURAT	17

'Dasar PH Selangor tak konsisten'

Rakyat perlu nilai semula pentadbiran kerajaan negeri

MOHD IZZATUL IZHAN
TAHIR

BESTARI JAYA

Pelaksanaan segala dasar yang dibuat kerajaan negeri didakwa tidak konsisten menyebabkan kehidupan rakyat semakin menderita.

Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar berkata, pemansuhan beberapa insentif termasuk khairat kematian membuktikan dasar yang dilaksana-

kan pentadbiran PH cacamarba dan tidak berterusan.

"Kita melihat bahawa kerajaan Selangor tidak yakin dengan dasar yang dibuat dan akhirnya menilai bahawa dasar itu tidak betul dan terpaksa memberhentikan," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Ribut di Kampung Bestari Jaya di sini semalam.

Seramai 51 mangsa ribut yang melanda kampung itu pada Mac lalu menerima sumbangan berkenaan.

Noh berkata, beliau yakin rakyat negeri ini boleh menilai dasar dan melihat sendiri pembangunan yang berlaku di negeri ini.

Katanya, rakyat di negeri ini bijak dalam ber-



Noh (dua dari kanan) menyampulkan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Ribut di Kampung Bestari Jaya semalam.

politik dan ini dapat dilihat apabila BN merampas kembali kerusi DUN Semenyih.

"Saya melihat politik di Selangor ini memang mudah berubah contohnya, kita memenangi semua 22

kerusi Parlimen dan 54 daripada 56 kerusi DUN pada 2004.

"Tetapi apabila rakyat

negeri Selangor berkehendakkan sesuatu perubahan, pada tahun 2008 BN yang menang di semua kerusi Parlimen dan DUN akhirnya tewas hingga kita menjadi pembangkang di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, di peringkat Persekutuan pula, kerajaan PH yang sebelum ini sering mengkritik pentadbiran BN dilihat membuat pusingan U.

"Dari segi membuat dasar untuk memberikan pembelaan kepada rakyat, dasar kerajaan BN lebih praktikal, bertahan lama dan lebih disenangi rakyat.

"Kita tidak berjanji bukan-bukan contohnya Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Apa pun mereka cakap manfaatnya rakyat yang dapat," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KERANG MAKIN PUPUS
MUKA SURAT	20

Pencemaran sisa kumbahan kilang yang tidak berkesudahan menyebabkan ternakan kerang di perairan ini semakin pupus. Lebih membimbangkan, ternakan kerang di Bagan Sungai Buloh dan Sungai Sembilang terjejas teruk sehingga benih kerang sukar dicari di perairan itu. Bukan sekali tetapi banyak kali aduan dipanjangkan kepada agensi berwajib bagaimanapun tiada penyelesaian konkrit sehingga kini. Ikuti kupasan Wartawan Sinar Harian, Arziana Mohamad Azaman mengenai isu ini.

Pencemaran sungai punca pendapatan nelayan terjejas

AIRZIANA MOHAMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

Sukarnya mencari hasil hingga mengambil masa hampir tiga jam untuk mendapatkan 10 kilogram (kg) kerang. Itu luahan nelayan, Kahar Buntal, 67, mengenai kemerosotan hasil kerang di Bagan Sungai Buloh dan Sungai Sembilang. "Kalau dulu, tiga jam tu boleh penuh satu sampan hasil kerang dibawa balik tapi sekarang ni cukup susah. "Memang merosot teruk sampaikan lima pangkalan kerang terpaksa ditutup gara-gara tak ada hasil," katanya. Kahar yang masih gigih ke laut, tidak menantikan benih ke-



Kerang makin pupus

Memang merosot teruk kalau dibandingkan dulu sampaikan lima pangkalan kerang terpaksa ditutup gara-gara tak ada hasil. - Kahar Buntal



Kahar Buntal (kanan) tidak berputus asa mencari kerang yang terjejas di Bagan Sungai Buloh dan Sungai Sembilang. Kini, hasil kerang di perairan Bagan Sungai Buloh.

rang mulai pupus di perairan Sungai Buloh, disebabkan pencemaran yang tidak terkawal.

"Sisa kumbahan kilang yang mengalir di bagan ini mendap di kawasan dasar ternakan kerang dan bila bertahun-tahun berlarutan, tanah itu jadi keras. "Sekarang ni ikut na-

sib. Kalau dapat pun tak sampai satu baldi penuh, tapi nak buat macam mana kami nelayan ni kena turun ke laut untuk cari rezeki," katanya.

Kawasan dasar perlu dibersihkan

Kahar berkata, sisa kumbahan yang mendap di dasar laut perlu dibersihkan bagi membolehkan benih kerang ditenak semula. "Kawasan ini terdedah dengan pelbagai jenis pencemaran sebab lembangan sungai itu dari Sungai Buloh sehingga mengalir ke laut.

"Pencemaran ini jangan dipandang remeh kerana boleh menjejaskan hasil kerang dan tak mustahil kerang dipenuhi sisa kumbahan.

"Penguatkuasaan kena lebih kuat bagi membantu kami nelayan di sini sebab kalau sisa kumbahan dialirkan, memang bau busuk dan berwarna hitam," katanya.

Menurutnya, saiz kerang pun semakin mengecil dan banyak kulit mati di dasar kawasan ternakan kerang.

"Kalau dibiarkan begini, sampai bila-bila pun kerang tak boleh ditenak. Sebab itu harga kerang pun sekarang sudah cecah RM8 sehingga RM10 sekilogram.

"Dulu saya masih ingat, jual dengan harga RM1 saja untuk sekilogram sebab permintaan banyak tapi hasil juga banyak.

"Kalau boleh kawasan alor sungai ini didalamkan supaya kawasan dasar ternakan kebun dapat 'tanah berlumpur' yang baharu," katanya.

Beralih kepada jaring ikan

BAGI nelayan, Samsudin Zainal Abidin, 50, hasil kerang yang semakin berkurangan mendorongnya beralih kepada tangkapan ikan.

"Tapi hasil ikan pun tak menentu sebab banyak yang mati disebabkan pencemaran. Kami yang bawa bot kecil terpaksa mara ke tengah laut untuk dapatkan ikan.

"Memang nak kata bertarung nyawa jugalah sebab tengah laut tu jadi lauan kapal besar yang membawa kontena ke pelabuhan... memang gerun tapi nak buat macam mana," katanya.

Menurutnya, dia mula menjaring ikan tiga tahun lalu kerana hasil kerang yang tidak memberangsangkan.

"Tak dapat untung pun sebab nak bahagi tiga orang dengan kos minyak lagi. Sebab itu kami jaring ikan sekarang ini," katanya.

Seorang lagi nelayan, Zulkifli Abdul Karim, 34, berkata, hasil jaring ikan turut terjejas memandangkan banyak ikan mati tersangkut pada jaring dengan lendir sisa kumbahan kilang.

"Bila ada ikan yang tersangkut dekat jaring susah nak dikeluarkan. Memang boleh nampak sisa kumbahan kilang pada jaring," katanya.



Laluan sungai dari jambatan di persimpangan Puncak Alam ke arah jambatan Kampung Parit Mahang yang didakwa dicemari sisa kumbahan kilang bertambran.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KAMPUNG DICEMARI BAU BUSUK
MUKA SURAT	21

Kampung dicemari bau busuk

SEMENTARA itu, bekas ketua Kampung Parit Mahang, Baharom Hussein tidak menafikan kampung itu turut terjejas dengan gangguan bau busuk akibat pencemaran sungai berhampiran.

"Laluan sungai ini kerap dicemari sisa kumbahan kilang sehingga bau yang cukup memualkan. Bila cuaca panas memang bau sangat kuat.

"Saya pernah buat siasatan punca pencemaran ini dan meninjau di jambatan persimpangan Puncak Alam namun hairan di situ airnya jernih.

"Tapi bila tengok air di jambatan Parit Mahang, air sangat kotor, berwarna hitam dan berminyak. Jadi, mungkinkah sisa kumbahan itu datangnya dari kawasan perindustrian berhampiran?

"Bila diajukan kepada pihak berkenaan, banyak yang beri penjelasan bahawa punca itu dari kesan pembangunan di Lembangan Sungai Buloh dari

Laluan sungai ini kerap dicemari sisa kumbahan kilang sehingga bau yang cukup memualkan. Bila cuaca panas memang bau sangat kuat. - Baharom

bandar tapi bila lihat kes ini, timbul persoalan.

"Mungkin pihak berkenaan boleh pantau kilang di kawasan perindustrian berhampiran... tak perlu pergi jauh sebab boleh lihat kesan hitam itu bermula dari mana.

"Penduduk sudah lama menanggung bau busuk ini dan syukur ketika ini hujan sebelah petang, jadi baunya kurang sikit tapi janganlah ambil endah isu pencemaran ini," katanya.



Hasil hasil yang pernah dirakamkan lebih empat tahun lalu yang boleh memecah lebih 30 gunt sehari berbanding sekarang.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TINDAKAN PEMUTIHAN LEBIH PROAKTIF TAHUN INI : MB
MUKA SURAT	21

Tindakan pemutihan lebih proaktif tahun ini: MB

KERAJAAN negeri akan mengambil tindakan tegas terhadap kilang haram dan kawasan perindustrian yang menjadi punca pencemaran di daerah ini.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, tindakan pemutihan terhadap kilang haram dan yang menyumbang pencemaran akan dilaksanakan lebih proaktif tahun ini.

"Saya sedia maklum dengan isu pencemaran yang dibangkitkan penduduk termasuk perkara yang dibincangkan ADUN dalam mesyuarat sebelum ini.

"Ini satu perkara yang serius

kerana pencemaran memberi kesan buruk bukan saja kepada penduduk tetapi juga kerosakan hasil laut," katanya.

Beliau menegaskan, Sungai Buloh ini antara lima lokasi yang dikenal pasti paling tercemar di Selangor.

"Kos pembersihan bahan kumbahan ini cukup tinggi kerana sisa influen perindustrian yang tidak dirawat dengan betul cukup membahayakan.

"Pemutihan kilang haram dan penguatkuasaan terhadap pencemaran akan dilaksanakan oleh pihak berwajib tanpa sebarang kompromi," katanya.



Baharom menunjukkan di sungai berwarna hitam yang mengalir selepas jambatan di Kampung Pauh Malim yang tercemar.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TUNGGU TINDAKAN PIHAK BERKAITAN
MUKA SURAT	21



Kahar (tali) bersama rakan nelayan lain melihat mesin pencuci kerang yang tersadai tidak dapat digunakan berikutan pangkalan kerang ditutup gara-gara tiada hasil.

Tunggu tindakan pihak berkaitan

ADUN Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli yang turun padang secara mengejut di kawasan Bagan Sungai Buloh berjanji untuk memanjangkan isu kepada pihak berkaitan.

"Saya sudah terima maklum balas agensi berkaitan seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Namun kesemua agensi terbabit memberikan jawapan berbeza. Saya turut bangkitkan isu sama kepada Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pembedaan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim.

"Beliau mengesahkan bahawa memang Sungai Buloh antara sungai paling kotor berbanding sungai lain di negeri ini.

"Difahamkan, kerajaan negeri juga menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani isu pencemaran sungai.

"Saya pasti isu pencemaran di Bagan Sungai Buloh ini menjadi salah satu tumpuan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pengusaha kilang yang dipercayai menjadi punca pencemaran sungai di daerah ini.

Yang Dipertuanya, **Rahilah Rahmat** berkata, MDKS memberi amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak mengambil jalan mudah melupuskan sisa toksik dan kumbahan ke dalam sungai.

"Pemilik kilang juga dikehendaki mengadakan sistem pengalihan effluen perindustrian mengikut spesifikasi dibenarkan.

"Arahan ini adalah selaras dengan peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk merawat air kumbahan sebelum dilepaskan ke sistem perparitan awam.

"Kegagalan mematuhi arahan tersebut, pemilik kilang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM1,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih enam bulan.

"Atau kedua-duanya di bawah seksyen 82 (5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 Majlis Daerah Kuala Selangor," katanya.

Tegasnya, MDKS mengeluarkan 19 notis dan lapan kompaun terhadap kilang perindustrian bermula 2018 sehingga 24 April lalu.

"Notis dan kompaun dikeluarkan terhadap kilang perindustrian berhampiran yang beroperasi serta berpotensi menyumbang pencemaran sungai," katanya.

Rahilah berkata, pemantauan berkala seperti operasi bersepadu bersama jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain dijalankan mengikut jadual khas pemantauan kilang di zon yang dikenal pasti.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	ADUN KONGSI DUKA MARDHIAH
MUKA SURAT	22

ADUN kongsi duka Mardhiah

Kanak-kanak dua tahun menghidap cerebral palsy, kanser mata

AHMAD ISMADI ISMAIL

BANGI

ADUN Sungai Ramal Mazwan Johar bersama isteri, Syarifah Fadzilah Syed Taha meluangkan masa menziarahi seorang ibu tunggal yang mempunyai anak istimewa baru-baru ini.

Ibu tunggal itu, Nur Natasya Rasid, 23, dan anaknya Nur Mardhiah Shahadah berusia dua tahun tinggal bersama ibu dan adiknya di Pangsapuri Laman Suria di Taman Kajang Utama.

Mazwan berkata, beliau dimaklumkan Natasya hanya bekerja sampingan pada Sabtu sahaja apabila ibunya bercuti.

"Ini kerana anaknya memerlukan jagaan sepanjang masa," katanya.

Menurut Mazwan, selepas tiga bulan Nur Mardhiah dilahirkan, dia dikenal pasti menghidap penyakit cerebral palsy yang merencatkan pertumbuhan otak, pergerakan dan imbuhan postur badan.

"Saya dimaklumkan kanak-kanak ini turut menghidap penyakit yang sangat jarang didapati yang dikenali sebagai Chromosome 13Q Deletion Syndrome.

"Ia penyakit genetik yang mempunyai kesan menjejaskan upaya intelek dan pembentukan organ-organ dalaman badan sejak lahir," katanya.

Beliau turut dimaklumkan paru-paru Mardhiah juga tidak membentuk dan berfungsi dengan baik sejak lahir.

"Saya boleh mendengar bunyi nafasnya yang agak kuat dan sentiasa berkahak serta perlu bergantung kepada inhaler," katanya.



Mazwan bersama isterinya melawat Nur Natasya (tengah) dan Nur Mardhiah di Taman Kajang Utama.

Menurutnya, lebih menyedihkan mata kiri Mardhiah diserang kanser dan pada usia sekecil itu dia telah melalui rawatan kemoterapi sebanyak enam kali kerana penting itu dibuang bagi menyelamatkan nyawanya.

"Kini Mardhiah mempunyai mata di sebelah kanan tetapi daya penglihatannya terjejas," katanya.

Keadaan tumbesaran tulang Mardhiah juga katanya, tidak membesar dengan baik.

"Dia tidak boleh berdiri apatah lagi berjalan. Malah tidak berupaya duduk sendiri, meniarap atau bergolek. Segalanya diuruskan ibunya.

"Mardhiah juga tidak boleh makan makanan pejal, dia hanya boleh minum

susu yang jenis istimewa dan mahal harganya," katanya.

Bagaimanapun, Mazwan terharu melihat semangat dan kekuatan Mardhiah kerana dia sentiasa gembira bersama ibunya.

"Beliau nampak aktif dan ceria, mudah mesta. Ibunya memaklumkan anaknya itu mudah dijaga dan diuruskan. Hebat anak

info

Orang ramai yang berhasrat untuk menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional 1400341000028756 (Nur Natasya Rasid)

istimewa ini! Dia menunjukkan keinginan tak bersempadan untuk terus hidup dan menikmati kehidupan itu sesempurna yang mungkin. Allahualbar!" katanya yang turut berkongsi kisah Mardhiah dan ibunya di laman sosialnya.

Pada lawatan itu, Mazwan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada Natasya.

"Kami semua mendoakan agar ALLAH SWT mengurniakan keajaiban dalam kemajuan perubatan dan rawatan Mardhiah serta memudahkan semua urusan keluarganya dan dicukupkan segala keperluan mereka," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PROJEK TERBENGGALAI SEJAK 19 TAHUN
MUKA SURAT	23

Pembeli minta kerjasama kerajaan bina kemudahan asas

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

SUNGAI CHOH

Pembeli rumah Projek Perumahan Kampung Koskan Tambahan yang terbengkalai sejak 19 tahun lalu meminta kerjasama kerajaan negeri membina kemudahan asas di kawasan berkenaan.

Jawatankuasa Bertindak projek perumahan itu merayu kerjasama supaya mereka dapat menduduki kediaman berkenaan.

Pengerusi jawatankuasanya, Letenan Kolonel (B) Abdul Aziz Mahmud berkata, perumahan 42 unit itu 90 peratus siap dibina namun terbengkalai selepas pihak pemaju dikatakan muflis.

Menurutnya, yang bermula pada tahun 2000 itu dijual dengan harga RM97,500 seunit melalui pinjaman bank dan bayaran tunai.

"Ramai pembeli yang sudah berusia 55 tahun ke atas dengan tempoh bayaran balik pinjaman selama lebih 20 tahun.

"Lima pembeli telah meninggal dunia tetapi rumah ini belum boleh diduduki kerana tiada kemudahan asas sempurna seperti air, elektrik, jalan masuk dan sistem perparitan.

"Sebanyak 30 rumah mempunyai geran selepas membayar premium na-

Projek terbengkalai sejak 19 tahun



Ketidadaan kemudahan asas yang sempurna memulakan pembeli menduduki Perumahan Kampung Koskan Tambahan.



ABDUL AZIZ

bitkan pemaju.

Ahli jawatankuasa, Jayaseelan Anthony memberitahu, pembeli sedia mengeluarkan kos sendiri bagi menyiapkan rumah masing-masing namun tetap berharap kerajaan negeri membantu membina kemudahan berkaitan.

Menurutnya, projek perumahan tersebut tidak sewajarnya terbiar tanpa pembelaan kerana sehingga kini pembeli menanggung hutang pinjaman bank.

"Masing-masing membayar pinjaman antara RM500 hingga RM600 sebulan dan difahamkan kerajaan negeri sudah meluluskan peruntukan bagi pembinaan infrastruktur.

"Jika sudah ada kemudahan asas, kami dapat siapkan rumah dan mengelakkan struktur bangunan rosak atau menjadi mangsa vandalisme atau

Masalah pembeli

- Tiada kemudahan di kawasan perumahan
- Berhutang dengan bank tanpa menduduki rumah
- Terpaksa mencari kediaman lain untuk diduduki

kecutian," katanya.

Jayaseelan berkata, projek perumahan itu antara projek terbengkalai yang mendapat perhatian kerajaan negeri seperti yang dinyatakan dalam surat maklum balas dari Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor pada 8 Februari lalu.



Surat maklum balas LPHS berhubung penyelesaian kerja infrastruktur yang dihantar kepada Abdul Aziz.

Kecewa rumah tidak siap

SEORANG pembeli, Mohd Abdullah Gopi, 84, berkata, dia membeli rumah tersebut untuk isterinya dengan deposit RM5,000 dan premium tanah sebanyak RM3,000.

Menurutnya, baki bayaran pembelian rumah dibuat secara tunai menggunakan wang simpanan sendiri dan beraya ditransfer kepada pihak pemaju.

"Tapi saya kecewa apabila pihak pemaju muflis dan projek ini terbengkalai. Rumah ini adalah hadiah untuk isteri.

"Dulu saya ada perniagaan jual beli kereta dan bayar duit beli rumah secara berperingkat mengikut ketetapan pihak pemaju tanpa gagal.

"Saya dan isteri masing-masing sudah berusia seperti pembeli lain. Kami

mahu lihat perumahan ini boleh didiami," katanya.

Abdul Manap Hamzah, 68, pula memberitahu, dia membeli rumah itu ketika masih berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui pinjaman peribadi dengan pihak bank pada kadar bayaran balik sebanyak RM150 sebulan sehingga sekarang.

"Saya memang berhasrat untuk tinggal di sini selepas bersara tetapi terpaksa mencari rumah lain kerana projek perumahan ini gagal disiapkan.

"Saya tiada halangan untuk keluaran kos sendiri bagi menyiapkan rumah terbengkalai ini jika kemudahan asas disediakan. Jika tidak kawasan ini akan terbiar dan ditumbuhi semak-samun," katanya.



ABDUL MANAP



Jane Low bersama beberapa pembeli melawat lokasi Projek Perumahan Kampung Koskan Tambahan yang terbengkalai sejak 19 tahun lalu.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	BLOK F, TAMAN KERAMAT PERMAI SELAMAT
MUKA SURAT	58

Ms.58

Jumaat, 3 Mei 2019 BH
[FOTO REDZUAN / BH]

→ SENTRAL

FLET CONDONG, RETAK

Blok F, Flet Taman Keramat Permai selamat

➔ 200 penghuni dibenar pulang selepas pemeriksaan teliti dua perunding

Oleh **Fazrik Kamarudin**
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lebih 200 penduduk Blok F di Flet Taman Keramat Permai, di sini, dibenarkan pulang ke rumah mereka esok selepas bangunan itu disahkan selamat untuk diduduki oleh dua perunding yang dilantik oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Dua perunding yang dilantik adalah Institut Kerja Raya Malaysia (Ikrar) dan firma Perunding ZNA.

Ketua Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Ahmad Fairuz Mohd Yusof, berkata keputusan itu dibuat berdasarkan kepada pengumpulan data dan penilaian rundingan yang dilakukan sejak Sabtu hingga semalam yang tidak menemui pergerakan tanah aktif yang boleh membawa kepada sebarang risiko.

Balki keretakan bangunan

"Mesyuarat teknikal bersama PKNS, Majlis Perbandaran Ampang dan perunding mendapati bahawa struktur bangunan Blok F selamat untuk diduduki dan tiada pergerakan bangunan dicatatkan," katanya dalam sidang media di Pusat Komuniti Wanita Daerah Hulu Kelang, di sini, semalam.

Ahmad Fairuz berkata, 37 keluarga dengan lebih 200 orang yang ditempatkan di dewan serba guna akan dibenarkan pulang esok.

"Penduduk dibenarkan pulang ke rumah pada jam 8 pagi dan pusat pemindahan akan ditutup pada jam 2 petang pada Sabtu.

"Kerja-kerja membaiki keretakan pada struktur bangunan sedang berjalan dan dijangka selesai dalam masa sebulan, sementara kerja pemantauan akan berterusan selama enam bulan akan datang.

"Penduduk boleh terus menduduki rumah mereka sementara kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan, kontraktor PKNS akan cuba meminimumkan risiko ketika menjalankan kerja-kerja," katanya.

Jumaat lalu, BH melaporkan 222 penduduk dari 37 keluarga diarah-



Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai, Ampang disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang esok.

kan mengosongkan bangunan empat tingkat Blok F di Flet Taman Keramat Permai dan berpindah ke pusat pemindahan sementara sebelum berlaku keretakan di dinding kediaman berkenaan selepas hujan lebat.

Bagaimanapun, hanya 38 pen-

diduk daripada sembilan keluarga yang menghuni flet itu berada di pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat, manakala baki 184 penghuni lagi dipercayai tinggal di rumah saudara-mara di kawasan berhampiran.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	PENDUDUK MINTA MPKJ TANGANI MASALAH IKLAN HARAM, KERETA TERSADAI
MUKA SURAT	69

Penduduk minta MPKJ tangani masalah iklan haram, kereta tersadai

Ketika rakyat berhadapan pelbagai isu semasa, terutama yang menyentuh mengenai kos sara hidup dan suasana ekonomi tidak begitu menggalakkan, persekitaran kediaman yang bersih dan hijau adalah antara perkara yang mereka harapkan untuk menyejukkan keadaan.

Justeru, pihak berkuasa tempatan sewajarnya memainkan peranan lebih proaktif memastikan persekitaran kediaman penduduk sentiasa kemas dan bersih.

Tindakan tegas hendaklah diambil terhadap iklan haram yang ditampal pada pokok. Tindakan tidak bertanggungjawab pengiklan yang menawarkan pinjaman segera dan pelbagai iklan lain seumpamanya hendaklah sentiasa dibantaras.

Perlu tindakan tegas, berterusan

Tindakan berterusan pihak berkuasa akan membuatkan pihak tidak bertanggungjawab itu tidak akan mengulangi perbuatan sama.

Bagi kami penduduk kawasan Bandar Damai Perdana di Cheras umpamanya, tindakan proaktif Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) sangatlah ditagih



[FOTO EMAIL /BHI]

Kereta buruk dan sampah di Persiaran Seksyen 16, Bandar Damai Perdana, Cheras mencacatkan pemandangan.

untuk mengalihkan iklan haram pada pokok.

Tindakan membersihkan bahu jalan dengan rumput yang sentiasa dirapi kemas akan membantu meningkatkan rasa senang penduduk.

Satu lagi masalah dikesan sejak beberapa bulan lalu, apabila pihak tidak bertanggungjawab membuang kereta di tepi Persiaran Seksyen 16 di hadapan kawasan perumahan

D'Exotica.

Walaupun persatuan penduduk dilaporkan sudah memaklumkan kepada MPKJ isu itu, hingga kini keadaan masih tidak berubah. Kereta buruk dan sampah masih terbiar di situ, sekali gus mencacatkan pemandangan.

Harap tindakan segera

Sehubungan itu, penduduk berharap agar MPKJ dapat menga-

mbil tindakan segera mengalih dan melupuskan kereta buruk yang dibuang di kawasan itu.

Sesungguhnya persekitaran bersih dan hijau dapat mengalihkan 'tekanan' dalam kehidupan seharian apabila kembali ke kawasan perumahan yang bersih dan kemas.

Ahmad Razak Dasuki,
Bandar Damai Perdana,
Cheras, Selangor.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	GANGGUAN BEKALAN PERLU DIJADIKAN IKTIBAR SUPAYA LEBIH BERHEMAT GUNA AIR
MUKA SURAT	69

Gangguan bekalan perlu dijadikan iktibar supaya lebih berhemat guna air

Notis gangguan bekalan air sehingga 86 jam susulan kerja penambahbaikan penggantian komponen paip dan peralatan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2), mengundang situasi cemas kepada orang ramai di kawasan yang disenarai terjejas.

Ibarat pesta, orang awam berpusu-pusu membeli tong bagi tujuan menampung air, memandangkan tempoh gangguan dimaklumkan melalui notis di-bekalkan sangat lama iaitu menjangkau empat hari.

Tersenyum panjang tauke kedai apabila semua tong kosong di premis masing-masing habis terjual, malah ada yang terpaksa melakukan pesanan stok tambahan kerana permintaan

cukup tinggi.

Cuba ambil kesempatan

Namun menyedihkan ada juga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga tong berbanding biasa. Alasan diberikan stok terhad. Tidak kisah, itu rezeki tauke kedai dan mereka memang bijak mengambil kesempatan atas keadaan semasa.

Alhamdulillah gangguan bekalan air di sesetengah kawasan yang ditamatkan lebih awal kerana kerja menaik taraf LRA SSP2 selesai lebih cepat. Ramai bersyukur, namun ada juga yang merungut kerana tong dibeli dengan harga mahal tidak sempat dimanfaatkan.

Di sebalik isu, rasanya wajar untuk kita ambil manfaat dan

menyedari betapa air memainkan peranan cukup penting dalam hidup seharian.

Jika satu notis gangguan bekalan air pun sudah cukup untuk membuat kita panik, bayangkan kesannya jika bekalan air terputus terus untuk jangka masa yang lama.

Jadi sebagai pengguna kita wajib mengambil iktibar kejadian ini agar lebih berhemat dalam menggunakan air.

Bak kata orang kita tak akan sedar kebaikan dan kepentingannya selagi ia tiada. Hal sama berlaku dalam konteks bekalan air.

Membazir air

Bayangkan usia bumi semakin tua, namun manusia masih belum sedar tanggungjawab un-

tuk bersimpat dengan alam. Sikap membazir bekalan air masih berleluasa. Contoh mudah ketika menggosok gigi pada waktu pagi, berapa ramai yang membiarkan paip air terbuka tanpa menggunakannya.

Bayangkan berapa liter air dibiar mengalir dan terbazir begitu saja sepanjang tempoh seminit kita memberus gigi. Itu baru satu contoh.

Justeru marilah kita sama-sama bertekad untuk mengubah sikap ke arah menjaga alam semesta. Mulakan dengan berjimat dalam penggunaan air. Semoga jasa kecil kita mampu menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Rakyat prihatin,
Gombak, Selangor.

AKHBAR	NEWSTRAITS TIMES
TAJUK BERITA	SELANGOR WATER DEAL AMONG TOP ACHIEVEMENT
MUKA SURAT	6

6
NEWS / Nation


MANAGING RESOURCES

'SELANGOR WATER DEAL AMONG TOP ACHIEVEMENTS'

Important to strengthen the water industry, says Water, Land and Natural Resources minister

DR A. Xavier Jayakumar believes that the Water, Land and Natural Resources Ministry, despite the challenges faced, has performed admirably in his first year in office.

He attributed the performance to cooperation and chemistry between the ministry's leadership and officers.

Asked to rate the ministry's performance in his first year helming it, Jayakumar said: "I can tell you it is in the high numbers of seven to eight (out of 10) that we have managed."

"I thank my ministry's KSU (secretary-general) and officers




who have been very forthcoming," he told a press conference held in conjunction with Pakatan Harapan's first year in power.

"(They) have worked with me in the past year to ensure that the PH agenda is on the table.

"They have been working hard to ensure changes take place."

Jayakumar, however, acknowledged that PH's main accomplishment was the fact that it had consolidated as a united front despite the huge task before it.

He cited challenges left from the previous administration, such as the national debt, corruption, alleged falsifying minutes of the Auditor General's Report, as well as falsifying accounts.

"Being a loose coalition and for the first time coming together to form the federal government, we have worked well given the differences we had.

"Some are new, some are old, that is what we have achieved this past year as we move forward as a unit to make these changes a reality."

He listed the handling of water issues, including the Selangor

Water, Land and Natural Resources Minister Dr A. Xavier Jayakumar (inset) says state governments agree that water basins should be protected and gazetted. FILE PIC

water restructuring deal, which was resolved in less than a month after his takeover, as one of the top three achievements of the ministry.

He said it was important to strengthen the water industry to manage and maintain the water companies to ensure Malaysians were provided with sufficient water supply throughout the year.

"Most states have agreed with my reasoning on why the water tariff must go up to strengthen the industry.

"We must understand that we have never paid attention to the water industries over a long period of time and this is a resource that we must be careful about," he said.

He said the ministry had undertaken a study on rationalisation of the water industry and would announce the results by the year end.

In terms of water tariff, he said efforts were underway to compel the management and companies into being more transparent.

"As far as water is concerned, we are in touch with all the state governments.

"They agree with us that water basins should be protected and gazetted to the extent that there should not be any deforestation around the water-catchment areas, as well as buffer zones.

"We have initiated an educational programme to raise public awareness of the need to conserve water and respect our water sources."

He said he was satisfied with the setting up of the minerals enactment as the country had rare resources that were in demand.

However, he said, it would take him another term to fully understand the mechanisms of the 18 agencies under his purview.

He said there was space for improvement, such as expediting the decision-making process and becoming more people-oriented and business-friendly.

Among the other achievements he highlighted were the Save Our Malaysian Tiger Campaign, the goal to reduce the amount of non-revenue water by the end of the 11th Malaysia Plan, Tawau flood solution and groundwater development in water stress areas.

He said the ministry was engaging with non-governmental organisations related to wildlife and forestry and was ready to listen to their feedback.

Ministry urged to work with water NGOs

KUALA LUMPUR: The Association of Water and Energy Research Malaysia (Awer) has urged the Water, Land and Natural Resources Ministry to engage non-governmental organisations on its plans to implement measures, such as increasing water tariffs and groundwater operations, before moving forward.

Awer president S. Piarapakaran said the government should understand perspectives and studies done by the industry's stakeholders first.

The government, he said, should carry out benchmarking for water services first before increasing the tariffs.

He said the National Water Services Commission (Span), since its inception nearly a decade ago, had been collecting and carrying out benchmark work to identify the prices of water in accordance with the states and areas.

"If we do proper benchmarking, we do not need to increase the tariff."

"In Johor and Melaka, we could even bring the tariffs down."

"It takes a lot of work to do benchmarking, but why not, if it will benefit the people?"

He cited a past benchmarking report, citing 30 treatment plants operating with "murky-coloured" water, which could be treated for between 16 and 20 sen per unit.

The benchmark was that these plants could produce quality water at 16 sen, thus by having this benchmark, it would push these plants to be efficient, and in the long run, become cheaper.

"If the minister (Dr A. Xavier Jayakumar) does not look into benchmarking first, users and consumers will be paying an unnecessary cost."

"It is unfair to pass on the cost to the people," he said.

On the government's guidelines on how to manage and control the water industry in the states, Piarapakaran said while it was a good effort, the authorities must note that each state had different prices and issues.

He said Johor, for example, was an industrialised state with few water resources, while Kelantan had pipeline overreach issues and relied too much on ground water.

He said the states generally knew what issues they faced, but failed to tackle them due to bad planning and management.

The right people, he said, must be put in place to tackle the issues.

On non-revenue water (NRW), he said the country's 2020 target was to bring it down to 25 per cent.

Xavier, in his one-year achievement report, stated that the government aimed to lower NRW to a manageable 31 per cent by the end of the 11th Malaysia Plan, which ends in 2020.

Piarapakaran said although it was a good effort, he wondered why the target had been switched to 31 per cent from 25 per cent.